

5.2 Penutup.

Jelasnya, Islam adalah agama yang amat sempurna dan global yang tidak melihat keturunan, pangkat dan darjat manusia.

Ini dapat ditanggapi dengan mudah kerana Islam adalah agama yang sesuai dengan masa dan tempat serta membawa rahmat kepada seluruh alam.

Oleh itu, dakwah kesedaran kepada golongan manusia agar memahami tuntutan syariat khususnya al-Quran dan hadith Nabi s.a.w. amatlah penting. Untuk melihat manusia berjalan di atas dasar yang betul adalah memerlukan usaha yang tidak kenal erti kecewa dan putus asa, ini kerana hasil daripada perjuangan ini tidak datang dalam sekelip mata sahaja mungkin ianya akan memberi nilai yang besar dalam perkembangan Islam selepas daripada kita sudah tidak ada lagi di dunia ini. Inilah contoh tauladan yang ditinggalkan oleh ulama terdahulu sama ada ulama Melayu Nusantara mahupun ulama keseluruhannya.

BAB KELIMA

PENUTUP

5.0 Kesimpulan.

Bab ini merupakan bab terakhir yang mana penulis membuat rangkuman kesimpulan hasil daripada kajian yang dianalisis dalam bab-bab yang terdahulu. Juga dimuatkan saranan-saranan dan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan pengkajian hadith dan *takhrīj*.

Kesimpulan-kesimpulan yang dapat diambil dari bab-bab yang terdahulu adalah seperti berikut:

- 1) Syeikh Daud al-Faṭānī merupakan seorang tokoh ulama terulung yang berasal dari wilayah Patani, selatan Thailand. Setelah menuntut ilmu di kampung halamannya, beliau menyambung pelajarannya ke Aceh dan seterusnya ke Timur Tengah kemudian beliau menetap di sana. Beliau telah memberi sumbangan yang besar bukan sahaja kepada perkembangan Islam di Patani dan Nusantara, tetapi juga kepada perkembangan penulisan ilmu-ilmu Islam di rantau ini. Ini terbukti dengan tulisan beliau yang banyak dan pelbagai aspek ilmu.

- 2) Hadith ialah sesuatu yang datangnya daripada Rasulullah sama ada perkataan, perbuatan, perakuan, akhlak atau sifat kejadian. Sesetengah ulama

- 7) Ilmu-ilmu Islam ini berkembang dan menjadi ikutan serta panduan masyarakat setempat, antaranya melalui penulisan-penulisan kitab oleh ulama terdahulu dan ceramah-ceramah agama. Ilmu ini terus kekal hingga sekarang.
- 8) Metod paling menonjol yang digunakan oleh ulama silam Nusantara dalam penulisan hadith ialah dengan menghasilkan kitab atau risalah yang lengkap membicarkan berkenaan hadith dan sanadnya, tetapi tulisan sebegini tidak begitu banyak dihasilkan. Walaupun begitu, ramai dikalangan ulama menggunakan hadith sebagai sandaran atau sokongan kepada hujah yang dikemukakan dalam karya mereka yang berkaitan ilmu-ilmu Islam seperti fekah, tafsir, tasawuf dan sebagainya. Di sini ada kalanya mereka datangkan hadith dengan matannya yang lengkap kemudian diterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu dan ada kalanya mereka datangkan maksud hadithnya sahaja. Berkenaan sanad pula, kebanyakan ulama Nusantara silam kurang menumpukan perhatian terhadapnya, mereka hanya nyatakan nama sahabat sahaja atau tidak dinyatakan sanad langsung terus disebutnya sabda Nabi s.a.w. dan seumpamanya. Walaupun begitu terdapat juga hadith yang diterangkan sanad dan perawinya yang lengkap tetapi jarang ditemui.
- 9) *Takhrij* hadith dapat menjelaskan tempat dikeluarkan satu-satu hadith daripada sumbernya yang asal dengan diterangkan siapa yang meriwayatkan hadith tersebut.

- 10) *Takhrij* juga dapat mengangkat darjat hadith dengan menyandarkannya kepada mereka yang meriwayatkan hadith daripada perawi-perawinya bersama hukum serta ulasan.
- 11) *Takhrij* hadith boleh mengenal pasti taraf dan darjat sesebuah hadith yang diriwayatkan dengan melihat kepada sumber pengambilannya dan punca terbitnya hadith berkenaan.
- 12) Berdasarkan kajian ilmiah ini, kitab *al-Durr al-Thamīn* kajian penulis ini bolehlah diklasifikasikan sebagai sebuah kitab yang membicarakan tentang akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berlandaskan al-Quran dan *al-Hadīth*. Hadith yang digunakan sebahagian besarnya adalah hadith *sahīh*. Penulis dapati jumlah hadith yang terdapat di dalam kitab ini sebanyak 82 buah, tetapi yang dapat ditakhrījkan hanya 66 buah sahaja. Daripada jumlah tersebut hadith yang *sahīh* sebanyak 49 buah, *ḥasan* 2, *da’if* 12 dan *mawdu’* 3.
- 13) Dari pengamatan penulis, kitab ini terbahagi kepada dua bahagian. Dalam mengutarakan hadith pada bahagian yang pertama iaitu berkenaan ilmu tauhid Syeikh Daud banyak berpandukan kepada kitab-kitab *al-Sunan al-Sittah*. Jika diteliti pada bahagian kedua kitab iaitu bahagian yang membicarakan tentang kelebihan ilmu, beliau banyak berpandukan kepada kitab-kitab *Targhib wa al-Tarhib*.
- 14) Banyak keistimewaan yang terdapat dalam karya beliau ini yang boleh dikategorikan sebagai karya akidah atau tauhid. Antaranya ialah :

- i- Kebanyakan kitab-kitab hadith yang menjadi rujukan beliau ialah kitab-kitab hadith yang muktabar dan berautoriti terutamanya *al-Sunan al-Sittah* yang merangkumi *Şahih al-Bukhārī*, *Şahih Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Mājah* di samping kitab-kitab hadith yang lain seperti *Musnad Ahmad*, *Şahih Ibn Ḥibbān*, *Şahih Ibn Khuzaymah* dan lain-lain.
- ii- Penguasaan topik-topik yang diketengahkan yang berkaitan dengan akidah dan kelebihan ilmu. Syeikh Daud boleh dikatakan menguasai sepenuhnya tajuk-tajuk perbincangan yang meliputi perkara-perkara asas dan furu' dalam ilmu tauhid. Beliau memulakan kitabnya dengan perbincangan ringkas mengenai syarat-syarat menuntut ilmu kemudian diikuti dengan perbincangan berkenaan ilmu tauhid iaitu dimulai dengan sifat-sifat yang wajib bagi Allah SWT yang dikenali dengan "sifat dua puluh", sifat-sifat yang mustahil bagi Allah SWT, mazhab-mazhab dalam Islam, dalil bagi sifat-sifat wajib bagi Allah SWT, Nabi-nabi dan Para Rasul Allah, Malaikat Allah, Fadilat ilmu dan beliau menutupnya dengan menyebut tentang puak yang berjaya dan kebesaran Allah SWT.
- iii- Beliau menyebut sabda Nabi s.a.w., hadith Nabi s.a.w., diriwayatkan daripada Nabi s.a.w., warid daripada Nabi s.a.w. dan seumpamanya sebelum mengutarakan hadith untuk membezakannya dengan yang lain. Beliau juga menyatakan sumber asal hadith sekalipun tidak kesemuanya, tetapi boleh membantu menjelaskan lagi darjat hadith dan akan membantu para pembaca mendapatkan hadith dari sumbernya yang asal seterusnya

- menilai status dan kedudukannya sebelum ia dijadikan hujah dan diamal.
- iv- Kenyataan yang diutarakan disandarkan kepada teks al-Quran dan hadith Nabi s.a.w. serta logik, terutamanya dalam mengupas perkara yang berkaitan akidah.
 - v- Bahasa yang mudah difahami juga menjadi tarikan para pembaca untuk menelitiinya. Walaupun bahasa yang digunakan merupakan bahasa melayu klasik dan ditulis lebih kurang dua ratus tahun yang lalu, tetapi ia masih boleh dibaca dan difahami dengan baik kecuali beberapa perkataan yang agak asing bagi generasi sekarang.

15) Disebalik keistimewaan terdapat juga beberapa kelemahan dalam karya Syeikh Daud ini. Antaranya ialah :

- i- Penggunaan hadith *da'if* dan *mawdū'* yang agak ketara. Didapati lebih daripada 15% dari jumlah hadith yang penulis *takhrijkan* merupakan hadith yang dijadikan hujah oleh Syeikh Daud adalah *da'if* atau *mawdū'*. Jumlah keseluruhan hadith dalam karya ini ialah 82 dan yang penulis *takhrijkan* sebanyak 66, daripada 66 hadith 49 (74.2%) daripadanya adalah *sahīh*, 2 (3%) adalah *ḥasan*, 12 (18.2%) adalah *da'if* dan 3 (4.6%) adalah *mawdū'*. Untuk keternagan lanjut mengenai kedudukan dan status hadith-hadith sila lihat gambarajah berikut.

Jadual 5.1 : Bilangan Hadith-Hadith Yang Ditakhrijkan Mengikut Status

	Jenis Hadith	Bilangan Hadith	Peratus
1	Hadith <i>Ṣaḥīḥ</i>	49	72.2%
2	Hadith <i>Ḥasan</i>	2	3%
3	Hadith <i>Da'iṣ</i>	12	18.2%
4	Hadith <i>Mawḍu'</i>	3	4.6%
	Jumlah Keseluruhan	66	100%

- ii- Di samping kitab-kitab hadith muktabar, Syeikh Daud juga merujuk kepada beberapa buah kitab yang kurang masyhur, malah banyak mengandungi hadith-hadith *da'iṣ* dan *mawḍu'* seperti kitab *Musnad al-Firdaws* oleh al-Daylami, kitab *Musnad al-Siyhāb* oleh al-Qudā'i dan lain-lain.
- iii- Tidak mengikut kaedah *takhrij* yang betul. Kadang-kadang Syeikh Daud tidak merujuk kepada kitab-kitab hadith yang asal atau *premier*, sebaliknya merujuk kepada kitab-kitab hadith sekunder seperti kitab *al-Targhib wa al-Tarhib* oleh al-Mundhiri, *Jāmi' al-Saghīr* oleh al-Suyū'i dan lain-lain. Selain dari itu beliau juga kadang-kadang merujuk kepada kitab-kitab yang tidak ada autoriti dalam bidang hadith seperti kitab *Tafsīr al-Ṭabarī* karangan Imam al-Ṭabarī, kitab *al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr al-Ma'thūr* karangan Imam al-Suyū'i dan seumpamanya. Ini sudah pasti bercanggah dengan kaedah *takhrij* itu sendiri yang berkehendakkan penisbahan hadith mestilah kepada

- sumber yang asal, iaitu kitab-kitab yang menyebut hadith secara bersanad sehingga kepada Rasulullah s.a.w.
- iv- Kesilapan menyandarkan hadith kepada kitab asalnya. Ini berlaku apabila Syeikh Daud menyatakan satu-satu hadith diriwayatkan oleh perawi dalam kitabnya, tetapi apabila dirujuk pada kitab yang disebutkan itu hadith tidak ditemui seperti hadith yang ke 47.
 - v- Tidak selaraskan sebutan yang digunakan pada hadith, iaitu untuk membezakan hadith dengan yang lainnya seperti sabda Nabi s.a.w., Pada satu Riwayat yang lain, warid daripada Nabi s.a.w. dan lain-lain. Ini akan mendatangkan kesulitan kepada pembaca. Kadang-kadang beliau tidak meletakkan hadith didalam kurungan yang khusus, ini juga menyulitkan pembaca untuk mengenalpasti dimanakah berakhirnya hadith seperti hadith yang ke 61.
 - vi- Tidak disebut nama perawi atau nama kitab asal hadith terhadap hadith yang beliau nyatakan. Ini sedikit sebanyak mengurangkan keistimewaan kitab tersebut, sebaliknya Syeikh Daud lebih menumpikan kepada terjemahan dan pengertian hadith semata-mata.

Sungguhpun terdapat beberapa kelemahan dalam kitab ini, ia sama sekali tidak mencacatkan nilai keseluruhan kitab, kerana di samping kelemahan terdapat juga keistimewaan kitab tersebut. Antara keistimewaan yang paling ketara ialah kebanyakan hadith-hadith yang dimuatkan yang telah ditakhrijkan adalah sahih selain dari menjadi rujukan dalam masalah akidah di Nusantara dan sekaligus memulihkan kembali semangat pengajian akidah yang semakin dipinggirkkan.

5.1 Saranan.

Setelah penulis membuat kesimpulan terhadap data-data yang didapati dan dianalisis dalam bab yang telah lalu, penulis cuba mengetengahkan beberapa saranan yang diharap akan dapat membantu umat Islam dalam memahami hadith Nabi s.a.w., malah mampu berinteraksi dengan hadith sebagai sumber hukum yang kedua dalam Islam secara berkesan.

Sebagai umat yang diberi tanggungjawab memakmurkan dunia ini, maka diharap kita dapat mengenali malah memahami ajaran dan ajenda Allah dalam menentukan kemakmuran di dunia, juga meneruskan kerja para Anbiya' dan ulama dalam memartabatkan syariat Allah. Tidak perlu diingkari bahawa al-Quran dan hadith merupakan sumber rujukan utama kita demi mencapai kemakmuran dan kejayaan dunia dan akhirat.

Saranan ini melibatkan semua pihak terutama ibu bapa, guru, masyarakat, badan sukarela, media massa, pihak kerajaan dan juga institut pendidikan seperti institut pengajian tinggi dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

1- Ibu Bapa

A) Pendidikan awal bagi kanak-kanak merupakan perkara yang penting dalam proses membentuk mereka menjadi anak yang soleh. Oleh itu, ibu bapa perlu mendidik mereka terlebih dahulu dalam rangka mengenal dan mencintai al-Quran, *al-Hadīth*, sentiasa mengimarahkan masjid, menelaah buku-buku agama

dan sebagainya agar diteladaninya. Di tangan kedua ibu bapalah terletaknya berbagai corak warna yang akan dilakukan kepada anak-anaknya sebagaimana kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya” iaitu mendidik anak-anak biarlah pada usia awalnya.

B) Untuk mempercepatkan proses penghayatan terhadap aktiviti keagamaan, para ibubapa seharusnya mendidik anak-anak mereka bermula sejak dari umur 5 dan 6 tahun lagi. Langkah ini akan memudahkan mereka untuk menghayatinya apabila menjangkau usia remaja dan seterusnya terbiasa dengan amalan-amalan tersebut hingga timbul kesedaran untuk mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari.

C) Pepatah melayu ada mengatakan “ bapa borek anak rintik ” yang bermaksud seorang anak akan mengikuti tingkah laku dan perangai kedua-dua ibu bapanya. Sekiranya ibu bapa mengajar dan menunjukkan contoh teladan yang baik, sudah pasti anak juga akan menurutinya. Namun, jika ibu bapa menunjukkan contoh yang buruk, tidak mustahil anak akan menunjukkan perangai yang lebih buruk lagi. Dengan itu, ibu bapa mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk peribadi anak-anak.

2. Guru-Guru

A) Peranan guru amatlah penting memandangkan masa pendidikan di sekolah agak panjang jika dibandingkan di rumah.

B) Pemerataan dan penekanan pendidikan moral sebaiknya bukan hanya di peringkat sekolah rendah sahaja bahkan hingga ke peringkat yang lebih tinggi lagi seperti institusi pengajian tinggi, maktab-maktab dan kolej-kolej yang pada akhirnya akan melahirkan para intelektual yang seimbang dalam semua segi sama ada dunia dan akhirat.

C) Guru adalah merupakan “*qudwah*” iaitu contoh ikutan kepada para pelajarnya. Sejauhmana penghayatan guru terhadap ilmunya, maka sebanyak itulah juga buah ilmu yang akan memberi kesan terhadap pelajarnya. Dalam erti kata lain, sekiranya guru menunjukkan contoh negatif kepada pelajarnya, generasi yang akan lahir selepas itu akan turut rosak akhlak dan saksiahnya.

3. Masyarakat

A) Para penggawa bagi setiap daerah, para imam masjid, penghulu-penghulu kampung dan mereka yang dikenali ramai oleh masyarakat bahkan orang-orang kenamaan seharusnya mewar-warkan sifat-sifat yang mulia sebagai *qudwah* dan pendidikan agama sebagai teras kehidupan agar masyarakat akan terdidik dalam menghayati amalan Islam dan memahami tuntutannya. Majlis-majlis ilmu yang menjuruskan kepada pemahaman tentang al-Quran dan *al-Hadīth* harus diperbanyak kerana ianya merupakan wasilah terpenting untuk mendidik masyarakat memahami ajaran agama yang sebenar.

B) Para imam dan penyelia agama hendaklah ‘turun padang’ dengan cuba menghampiri golongan yang ‘culas’ dari masjid dan majlis ilmu. Ini berlaku

terutamanya kepada golongan remaja. Mereka ini adalah saf pimpinan masa hadapan. Jika generasi ini sudah rosak maka boleh dibayangkan bahawa masyarakat Islam akan datang adalah masyarakat yang punah.

C) kepentingan mempelajari al-Quran dan hadith beserta dengan cabang-cabang ilmunya mesti diperkenal dan diketengahkan kepada masyarakat. Sebagai contoh, untuk memahami agama hendaklah mempelajari al-Quran dan Hadith. Hadith merupakan sumber kedua selepas al-Quran dalam syariat Islam. Untuk memahami hadith hendaklah mempelajari ilmu-ilmu hadith (*'Ulūm al-Hadīth*) yang berkaitan dengan pengenalan, pembahagian, jenis dan sebagainya. Begitu juga, masyarakat harus ditonjolkan dengan kepentingannya mempelajari ilmu berkaitan *rijāl* (perawi) hadith dan *al-jarh wa al-ta'dīl* (mengenali sifat-sifat baik atau buruk) *rijāl* tersebut untuk menentukan darjah sesuatu hadith. Jadi, apabila mempunyai kepakaran dalam ilmu-ilmu tersebut, kita akan mampu berintraksi dengan hadith dan disiplin-disiplinnya.

4. Badan Sukarelawan

A) Badan Sukarelawan juga patut memberi sumbangan dengan mengadakan seminar dan seumpamanya yang berorientasikan memahami hadith dan cabang-cabang ilmunya. Program seperti seminar pondok sedunia yang telah dilancarkan oleh Persatuan Pondok Malaysia dan seminar-seminar yang berkaitan hadith, penulisannya, ulama-ulama hadith Nusantara dan seumpamanya adalah positif kepada masyarakat umumnya harus diteruskan dan

dimajukan, namun kita memerlukan kepada kekerapan dan bimbingan daripada tenaga profesional daripada dalam dan luar negara.

B) Selain dari itu, majlis-majlis agama (ilmu hadith), perbentangan kertas kerja, risalah-risalah kecil, ceramah dan sebagainya yang menjuruskan ke arah pendidikan agama, memahami sumber Islam dan amalan Islam yang berkaitan dengan orang ramai harus dibangunkan dengan lebih banyak lagi. Ini kerana perkara sedemikian kelihatan masih berkurangan dalam aktiviti kemasyarakatan. Justeru, sebarang agenda yang boleh memartabatkan Islam dan umatnya harus dilakukan dengan bersungguh-sungguh.

5. Media Massa

A) Majlis ilmu dan forum ilmiah tentang konsep dakwah wajar sentiasa disiarkan kepada umum. Ianya dapat membuka minda secara langsung atau tidak langsung tentang tugas, ciri-ciri, syarat-syarat seorang pendakwah kebenaran.

B) Sebaiknya media cetak juga hendaklah mempelbagaikan jenis buku-buku dan penulisan ilmiah lain yang membincangkan mengenai hadith dan disiplin-disiplinnya serta konsep dakwah di dalam Islam.

6. Kerajaan

A) Pihak kerajaan hendaklah sentiasa menyediakan berbagai kemudahan dan peruntukan yang mencukupi kepada Unit Pembangunan Islam sama ada kemudahan yang berupa kenderaan, kakitangan mahupun kewangan (elaun) dan sebagainya.

B) Mewajibkan semua tempat awam dikumandangkan dengan al-Quran, ceramah atau apa sahaja bentuk media Islam yang membina. Ini secara tidak langsung adalah suatu bentuk program pendidikan jangka panjang kepada masyarakat.

C) Kerajaan juga perlu bekerjasama dengan mana-mana pengusaha-pengusaha kilang swasta dan pertubuhan dakwah yang ada seperti ABIM, JIM, Tabligh dan sebagainya agar wadah dan misi perjuangan mereka untuk meninggikan syiar Islam tercapai. Walaupun pendekatan dan corak yang dimainkan adalah berbeza antara satu sama lain tetapi apa yang penting ialah masyarakat Islam dapat menikmati intipati program-program yang dianjurkan.

7. Institusi Pendidikan

A) Institusi-institusi pendidikan tinggi Islam khasnya di Malaysia seharusnya lebih menumpukan kepada kajian tokoh dan ulama silam terutamanya kepada mereka yang telah memberi sumbangan yang besar dalam dunia ilmu dengan menghasilkan karya-karya yang bukan sahaja dalam kualiti yang besar tetapi

juga mempunyai kualiti yang tinggi. Masih banyak lagi ulama Nusantara yang masih belum didedahkan ketokohan dan sumbangan mereka khususnya kepada dunia ilmu.

B) Selain dari tokoh pondok, kajian naskah khususnya naskah yang belum diterbitkan juga wajar mendapat perhatian pihak berkenaan. Kajian naskah atau manuskrip yang masih belum diterbitkan amat perlu dalam usaha memperkayakan khazanah ilmu disamping mendedahkan sumbangan serta peranan yang telah dimainkan oleh ulama silam dalam membina tamadun ilmu dan manusia. Bilangan Manuskrip yang ditinggalkan oleh ulama Nusantara yang masih belum diterbitkan mencecahkan angka puluhan ribu yang berada dimerata pelusuk dunia. Antara negara yang menyimpan naskah Melayu selain dari Nusantara ialah Belanda, Jerman, Amerika Syarikat, Austria dan lain-lain.

C) Hasil-hasil kajian yang dilakukan secara ilmiah terhadap naskah atau karya terdahulu sama ada yang telah diterbitkan atau disebaliknya seharusnya diterbitkan semula dalam bentuk yang lebih semasa agar dapat memenuhi kehendak dan citarasa pembaca masa kini.

D) Segala hadith yang telah dimuatkan oleh ulama terdahulu dan semasa samada dalam karya mereka ataupun dalam kertas-kertas kerja seminar dan artikel sepatutnya dinyatakan dengan jelas sumber pangambilannya bagi memudahkan para pembaca mengenal pasti kedudukan hadith-hadith tersebut. Satu pendedahan mengenai metodologi *takhrij* hadith perlu diperkenalkan khususnya kepada pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Islam.

E) Pemulihian semangat pengajian hadith yang semakin malap. Pihak berkenaan dengan pendidikan Islam seharusnya memain peranan dalam memulihkan semangat pengajian hadith yang semakin luntur. Pengajian Hadith di zaman awal Islam mendapat perhatian utama para penuntut dan juga para ulama. Ini memandangkan kedudukan hadith itu sendiri sebagai sumber rujukan utama kepada syariah Islam selepas al-Quran. Akibat pengabaian pengajian hadith inilah yang mengakibatkan timbulnya berbagai pahaman dan ajaran yang menyesatkan akibat kehilangan sumber panduan, iaitu hadith. Justeru itu pengajian hadith perlu diberi tempat yang sewajarnya bermula dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat Universiti.

Semoga kajian ini mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak berkenaan dan dapat memberi sumbangan ke arah memperkayakan khazanah ilmu-ilmu Islam di samping dapat memertabatkan karya-karya ulama Nusantara zaman dahulu.

BÅB KELIMA

=====

PENUTUP